



TANYA JAWAB



- T* Nama saya Abdollah bin Lamat. Pertanyaan saya, kalau kita lihat ramai orang Singapura apabila membeli-belah di negara China, mendapati bahawa orang-orang Cina boleh berbahasa Melayu. Misalnya mereka akan berkata, ‘murah, murah di sini murah!’, ‘selamat datang’ dan ‘terima kasih’. Apakah perancangan yang ingin dilakukan di peringkat tinggi agar penggunaan bahasa Melayu yang lebih baik dapat dihasilkan oleh pelajar dan tidak terbatas kepada penggunaan kosa kata yang terhad itu?
- J* Negara China sedang membangun. Ramai pelancong datang ke negara China untuk membeli-belah termasuklah pelancong dari negara Indonesia dan Malaysia. Rakyat Cina amat suka menerima kedatangan pelancong yang datang membeli-belah di sana. Orang-orang Cina yang terlibat dalam perniagaan ini belajar bahasa Melayu secara spontan, untuk menarik dan menyambut kedatangan pelancong berbangsa Melayu di kedai mereka. Mereka mendapat keuntungan yang sangat besar kerana rakyat Indonesia dan Malaysia suka membeli-belah seperti kain sutera, alas meja dan langsir.

Apa yang boleh kami lakukan ialah untuk membuka kelas kepada para peniaga ini untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih baik lagi dan bukan bahasa pasar.

- T* Soalan kedua, jika boleh, Negara China terlibat dalam MABBIM (Majlis Bahasa-bahasa Brunei-Indonesi-Malaysia) dan ini boleh meluaskan perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu di Negara China.
- J* Negara China memang terlibat dalam perkembangan bahasa Melayu. Negara China telah menjadi anggota MABM (Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu) dan ketika itu China juga telah menganjurkan Seminar Antarabangsa di China. Namun, anggota MABM yang aktif telah berhenti dan kami masih mencari jalan agar hal ini dapat dilanjutkan. MABM lebih sesuai bagi China kerana kami dapat menganjurkan seminar antarabangsa dan bertukar-tukar pandangan.



Bagi saya, China boleh meneruskan pelibatangannya dengan dunia Melayu di peringkat MABM sebelum bersetuju untuk menjadi anggota MABBIM.

T Saya Azriana dari Institusi Raffles. Saya ingin bertanyakan peluang pekerjaan menggunakan bahasa Melayu di China. Atau apakah nilai ekonomi yang ditawarkan di China dengan penggunaan bahasa Melayu?

J Ekonomi merupakan satu faktor penting di Negara China. Saya ingin menganjurkan agar masyarakat Melayu bekerja sama dengan masyarakat Islam China, khususnya peluang perniagaan makanan halal. Hal ini memerlukan tenaga-tenaga muda seperti adik-adik di sini belajar bahasa dan juga ekonomi, dan juga saya menggalakkan para remaja di China untuk mempelajari bahasa dan ekonomi.

Buat masa ini, belum banyak peluang dapat diraih kerana penggunaan bahasa Inggerislah yang menjadi teras ekonomi. Namun, dari segi pandangan strategik jangka panjang, banyak peluang perniagaan yang boleh diraih sekiranya ada kerjasama di antara masyarakat Melayu dan masyarakat Muslim di China dapat dilakukan.

T Saya terharu dan terdorong setelah mendengar ceramah Prof. Nama saya Yahya Hamid dari Fuchun CC. Saya mengajar bahasa Melayu kepada penutur bukan Melayu seperti askar, doktor, peguam dan para profesional yang lain. Ini menjelaskan akan pentingnya mempelajari bahasa Melayu. Saya berasa bangga apabila mengetahui penggunaan bahasa Melayu semakin meluas di China.

Saya ingin mengusulkan satu pendekatan agar menganggap bahasa Melayu itu bukan sekadar bahasa Melayu Malaysia sahaja tetapi juga bahasa Indonesia. Jika dilihat dan diteliti, kamus bahasa Melayu dan kamus bahasa Indonesia mengandungi kosa kata yang hampir sama. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu sangat meluas dan penggunaannya juga sangat luas. Kita boleh memberitahu warga Cina bahawa peluang penggunaan bahasa Melayu sangat luas dan tidak terbatas



kepada pengguna bahasa Melayu di Malaysia sahaja.

- J* Sememangnya bahasa Indonesia dan bahasa Melayu mempunyai kosa kata yang banyak. Di China, pada awalnya, pelajar mempelajari bahasa Indonesia tetapi kemudiannya mereka mempelajari bahasa Melayu versi Malaysia sepenuhnya. Di universiti di China, ada pelajar yang membuat kajian dan mempelajari bahasa perbandingan antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia.

Kepentingan bahasa Melayu ditekankan di Malaysia. Saya mendengar ucapan menteri di Malaysia yang menyeru agar para pemimpin menggunakan bahasa Melayu semasa menyampaikan ucapan penting di peringkat antarabangsa, dan ini menunjukkan adanya seruan akan pentingnya menyebarkan bahasa Melayu ke serata dunia, di arena antarabangsa. Hal ini telah dilakukan oleh para pemimpin China, Jepun dan Korea.

- T* Saya Hamsani bin Raoh, guru pesara di Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim. Kalau saya boleh umpamakan, Tuan seperti jauhari sahaja yang mengenal manikam atau seperti ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya.

Pagi tadi memakan roti,
Sambil memakan tanpa berdiri;
Tuan laksana pohon jati,
Saya berasa iri hati.



PROFESOR WU ZONGYU

MALAY
LANGUAGE
CENTRE OF SINGAPORE

Siri Ceramah

Arif
Budiman

Membudayakan
Kecemerlangan Profesional
Guru Bahasa Melayu



